



# SUMBANGAN AHL AL-HADITH DAN PERANANNYA DALAM MEMBANGUN KETAMADUNAN ISLAM

Muhammad Arif Yahya

*Jabatan Usuluddin dan Falsafah, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia.*

## Abstract

The incident of the death of Caliph Uthman marks a new era in hadith history. The status of hadith and its acceptance amongst Muslim has become a centre of disputation and leads to the development of a new methodology in assessing hadith as invented by *ahl al-hadith*. This new method has its own roles and contributions in preserving the authenticity and provide a novel approach in vindicating a hadith as a major source of Islamic jurisprudence and its civilisation. This study explore the contribution of hadith as a source of Islamic civilisation, the role of ahl al-hadith in preserving the authenticity of hadith and their methods to substantiate hadith originality. The present study employed textual analysis as its main approach of investigation in this study. The study in its findings confirms the role of hadith and contribution of *ahl al-hadith* in the development of Islamic civilisation and society.

**Keywords:** Methodology of *ahl al-hadith*, Islamic civilisation, hadith authenticity

## Abstrak

Ancaman terhadap kedudukan Hadith yang bermula selepas fitnah pembunuhan ke atas Saidina Uthman r.a telah mendorong kearah lahirnya manhaj dan kaedah yang dibentuk oleh *Ahl al-Hadith*. Manhaj ulama *Ahl al-Hadith* ini memiliki peranan dan sumbangannya dalam menjaga keautoritian Hadith sebagai sumber ilmu dan ketamadunan di dalam Islam. Kajian ini membahaskan dari sudut fungsi Hadith sebagai sumber peradaban dan ketamadunan, penggunaan manhaj dalam periwayatan Hadith, peranan *ahl al-Hadith* dalam menjaga keautoritian Hadith serta manhaj *ahl al-Hadith* dan sumbangannya dalam ketamadunan Islam. Hasil kajian mendapati bahawa *ahl al-Hadith* telah memainkan peranan dan sumbangan besar dalam ketamadunan Islam apabila menyumbang kearah penghasilan manhaj di dalam *Ulum al-Hadith*. Kajian juga mendapati bahawa Manhaj *ahl al-Hadith* ini turut menyumbang kearah penjagaan Hadith serta keauthoritiannya sebagai sumber ilmu dan ketamadunan di dalam Islam.

**Kata kunci:** Manhaj Ahl al-Hadith, Ulum al-Hadith, Sumber Peradaban, Tamadun Islam

## Article Progress

Received: 1 Oktober 2016  
Revised : 28 November 2016  
Accepted: 31 December 2016

\* Muhammad Arif Yahya  
*Jabatan Usuluddin dan  
Falsafah, Fakulti Pengajian  
Islam, Universiti Kebangsaan  
Malaysia*  
Email: arifyahya@ukm.edu.my

## 1. PENDAHULUAN

Setiap ilmu memiliki manhaj tersendiri yang telah disusun oleh ulama di dalam bidang tersebut. Begitu juga dengan ilmu hadith memiliki ahlinya yang telah berkorban untuk memastikan hadith terpelihara daripada ancaman jahat musuh-musuhnya. Hadith tidak sepertimana al-Quran. Hadith terdedah kepada ancaman pemalsuan dan kesilapan dalam tempoh periwayatan dan pemindahannya. Rasulullah s.a.w telah mengisytiharkan cabaran yang akan dihadapi oleh pusaka peninggalannya ini daripada kalangan pelampau, pemalsu dan yang jahil. Golongan pertama akan menyelewengkan ajarannya jauh daripada sifatnya yang sederhana. Para pemalsu pula membawa masuk perkara yang tiada kaitan langsung dengannya, manakala golongan jahil pula akan membuat pelbagai takwilan, dalihan dan andaian yang mengelirukan tanpa asas. (Fauzi Deraman : 2012). Diatas asas perlunya panduan dan manhaj dalam berinteraksi dengan hadith, para ulama dikalangan *ahl al-Hadith* telah berusaha memberikan sumbangan yang besar dalam menjaga keautoritian hadith daripada ancaman musuh-musuhnya. Kertas kerja ini membahaskan peranan dan sumbangan Ahl al-Hadith ini kearah memelihara kedudukan dan keautoritian hadith yang merupakan sumber peradaban dan ketamadunan di dalam Islam.

## 2. HADITH SEBAGAI SUMBER PERADABAN DAN KETAMADUNAN

Menurut Yusuf al-Qaradawi, Sunnah atau hadith sebagai sumber pengetahuan dan peradaban (al-Qaradawi : 1998). Rasulullah s.a.w diutuskan untuk memberi petunjuk kepada masyarakat yang hidup dalam keadaan jahil. Baginda s.a.w diutuskan dengan dua wahyu iaitu al-Quran dan al-Sunnah yang perlu disampaikan kepada manusia. Matlamatnya adalah untuk mengeluarkan manusia daripada dunia kejahatan kepada dunia ilmu dan peradaban. Allah s.w.t berfirman di dalam al-Quran Surah al-Ahzab ayat 46 dan 47 yang bermaksud :

"يَا أَيُّهَا النَّبِيُّ إِنَّا أَرْسَلْنَاكَ شَاهِدًا وَمُبَشِّرًا وَنَذِيرًا. وَدَاعِيًا إِلَى اللَّهِ بِإِذْنِهِ وَسِرَاجًا مُنِيرًا"

“Wahai Nabi, sesungguhnya Kami mengutusmu sebagai saksi (terhadap umatmu), dan pembawa berita gembira (kepada orang-orang yang beriman) serta pemberi amaran (kepada orang-orang yang ingkar)

(46). Dan juga sebagai penyeru (umat manusia seluruhnya) kepada agama Allah dengan taufiq yang diberiNya; dan sebagai lampu yang menerangi (47).

Menurut Ibn Kathir, maksud ajaran dan seruan Nabi s.a.w disifatkan sebagai “lampu yang menerangi” ialah perintah dan ajaran baginda yang terang dan jelas berdasarkan apa yang baginda bawaikan seperti terangnya matahari dengan cahayanya (Ibn Kathir : 2002). Berpegang kepada dasar bahawa wahyu hadith sebagai sumber peradaban dan ketamadunan, sudah semestinya sudut keautentikan sumber ini perlu dijaga supaya ia tidak dipertikaikan oleh musuh-musuh Islam yang sentiasa mencari titik kelemahan Islam melalui dua sumber utamanya, al-Quran dan hadith. Oleh yang demikian, para ulama hadith sangat menitik beratkan disiplin yang ketat dalam memetik sesuatu hadith agar ia tidak menjadi fitnah terhadap syariat Islam itu sendiri.

## 3. PENGGUNAAN MANHAJ DAN KAEDAH DALAM PERIWAYATAN HADITH

Ahl al-Hadith di dalam kajian, penulisan dan karya mereka mempunyai metodologi tersendiri. Peri pentingnya menguasai metodologi pengajian hadith adalah seiring dengan kepentingan hadith (Fauzi Deraman : 2012). Jika dilihat kepada sejarah, Ahl al-Hadith mula menggunakan disiplin asas bagi ilmu hadith apabila timbulnya fitnah pembunuhan keatas Saidina Usman dan umat Islam berpecah kepada beberapa kumpulan. Perkara ini digambarkan di dalam kata-kata yang dikemukakan oleh Ibn Sirin dan Abdullah Ibn al-Mubarak r.a. Ibn Sirin r.a (110H) berkata :

"لم يكونوا يسألون عن الإسناد, فلما وقعت الفتنة قالوا سموا لنا رجالكم, فينظر إلى أهل السنة فيؤخذ حديثهم, وينظر إلى أهل البدعة فلا يؤخذ حديثهم"

“Mereka (para sahabat dan tabiin) tidak bertanya tentang sanad (pada peringkat awal), apabila berlakunya fitnah, mereka berkata : namakan pada kami perawi kamu, sekiranya dikalangan Ahlussunnah hadith mereka akan diambil kira, sekiranya dikalangan ahli bidaah hadith mereka tidak diambil kira”

Abdullah bin al-Mubarak r.a (181H) berkata :



"الإسناد من الدين ولولا الإسناد لقال من شاء ما شاء"

"Isnad sebahagian daripada agama, kalaulah tidak kerana Isnad maka ramai yang akan berkata-kata mengikut kesukaannya (dalam urusan agama)"

Berdasarkan pandangan kedua-dua tokoh *ahl al-hadith* ini menunjukkan bahawa permulaan penggunaan kaedah di dalam Ilmu Hadith dimulai dengan syarat yang ditetapkan dalam sesuatu periwayatan dan pengambilan hadith disertakan bersama dengannya sanad hadith. Bermula dengan kaedah dan syarat ini, *ahl al-hadith* mula mengembangkan beberapa usaha lain dalam konteks menjaga kedudukan hadith daripada terus diancam oleh musuh-musuh Islam.

قال علي بن المديني: "التفقه في معاني الحديث نصف"

العلم ومعرفة الرجال نصف العلم"

Berkata Ali bin al-Madini (234H) "Memahami makna kandungan hadith adalah sebahagian ilmu dan mengetahui para perawi hadith adalah sebahagian ilmu"

Ulama ahl al-Hadith juga tidak hanya menumpukan penilaian kepada aspek sanad semata-mata dalam menjaga sumber hadith. Para ulama juga menetapkan kaedah yang penting dalam memahami hadith dari aspek matan hadith. Perkara ini berdasarkan kata-kata Ali bin al-Madini tersebut yang menunjukkan kepada pendekatan dan manhaj *ahl al-Hadith* terhadap sumber ini. Kaedah dan pendekatan ini sehingga melahirkan suatu ilmu yang khusus membincangkan aspek sanad dalam ilmu hadith serta kaedah dan ilmu yang menfokuskan aspek matan hadith yang akan dibincangkan selepas ini.

#### 4. PERANAN AHL AL-HADITH DALAM MENJAGA KEAUTORITIAN HADITH

Generasi awal sahabat telah meletakkan asas dalam berinteraksi dengan hadith setelah sumber syariat ini diancam dengan kemunculan hadith-hadith palsu. Sebelum itu, generasi sahabat tidak pernah melakukan pendustaan terhadap Rasulullah s.a.w dan saling menyampaikan kandungan hadith dikalangan sahabat dengan penuh amanah. Perkara ini sebagaimana yang disebutkan oleh al-Barra' bin 'Azib r.a katanya :

البراء بن عازب رضي الله عنه بقوله: ما كل ما نحدثكم به سمعناه من رسول الله صلى الله عليه وسلم وإنما كان يحدث بعضنا بعضا ولكننا لا نكذب"

Al-Barra' bin Azib r.a katanya "Bukan daripada semua yang telah kami sampaikan (berkenaan hadith) kepada kamu ini adalah yang kami dengarkan (sendiri) daripada Rasulullah s.a.w. Akan tetapi perkara ini kami saling menyampaikan (hadith) diantara kami (para sahabat), namun kami tidak pernah berdusta (ke atas Rasulullah s.a.w).

Generasi sahabat sangat mengambil berat tentang hadith serta penyampaiannya kepada orang lain. Perkara ini adalah untuk penerusan dan manfaat ilmu yang terkandung di dalam sumber hadith dapat diteruskan kepada masyarakat bermula dengan generasi sahabat. Banyak daripada dalil-dalil yang menunjukkan kelebihan dalam menyampaikan sumber hadith ini antaranya yang diriwayatkan oleh Abi Daud sepertimana berikut


"نضر الله إمرأ سمع منا حديثا فحفظه حتى يبلغه فرب"

حامل فقه إلى من هو أفقه منه ورب حامل فقه ليس

بفقيه"

"Allah menggelokkan rupa seseorang yang mendengar perkataan daripada kami kemudian ia menghafalnya sehingga ia menyampaiannya. Kemungkinan orang yang membawa fiqh (periwayatan hadith) kepada orang yang lebih faqih (faham) dan boleh jadi juga orang yang membawa periwayatan hadith tidak faham (berkaitan apa yang diriwayatkannya)".

Mereka mempelajari hadith serta membuat diskusi perbincangan mengenainya. Sebahagian kecil daripada sahabat juga diberi keizinan oleh Rasulullah s.a.w untuk menulis hadis berbanding sebahagian besarnya melalui hafazan di dalam ingatan. Senario ini menunjukkan perhatian terhadap hadith telah dimulakan oleh para sahabat ketika Rasulullah s.a.w masih hidup.



Gambar Rajah 1: Perkembangan Metode *Ahl al-Hadith* Dalam Membangunkan Ketamadunan Islam

Secara umumnya, *manhaj Ahl al-Hadith* sebagai suatu metode dalam menjaga keautoritian hadith dapat dibahagikan tahap perkembangannya kepada tiga tahap. Tahap pertama iaitu asas disiplin yang diletakkan oleh Ahl al-Hadith dalam menjaga keautoritian hadith terutamanya selepas berlaku pemalsuan terhadap hadith. Tahap kedua melalui proses perkembangan *manhaj* tersebut dalam aspek riwayat dan dirayah hadith. Manakala tahap ketiga proses memperkukuhkan *manhaj Ahl al-Hadith* ini dengan kemunculan karya ulama-ulama terkemudian. Berikut ini dihuraikan setiap tahap perkembangan tersebut.

## 5. MELETAKKAN DISIPLIN ASAS DALAM BERINTERAKSI DENGAN HADITH

Metode penjagaan *al-Sunnah* di kalangan generasi awal ialah melalui hafalan, perbincangan serta pengaplikasiannya dalam kehidupan. Selain itu, catatan dan penulisan terhadap hadith juga telah bermula semasa zaman Rasulullah s.a.w masih hidup lagi (Abu Layth : 2005, 56). Menurut Nur al-Din Itr, Ilmu Hadith telah melalui beberapa fasa perkembangannya dan generasi sahabat sebagai permulaan terbentuknya peringkat asas kemunculan ilmu ini (Nur al-Din Itr: 2003, 37). Disiplin asas yang digunakan di peringkat awal periwayatan hadith semasa zaman sahabat kesemuannya bertujuan untuk menjaga *al-Sunnah* itu sendiri daripada ancaman pemalsuan.

## 6. MEPERKEMBANGAN METODE DALAM ILMU RIWAYAH DAN DIRAYAH

Ulum al-Hadith mengandungi dua perbincangan yang besar iaitu Ilmu Hadith Riwayah dan Ilmu Hadith

Dirayah. Ilmu Hadith *Riwayah* ialah ilmu yang mengandungi kaedah-kaedah bertujuan untuk mengetahui keadaan *al-Rawi* (penyampai) dan *al-Marwi* (penerima riwayat) Manakala Ilmu Hadith *Dirayah* ialah Ilmu yang berfungsi bagi mengenalpasti maksud kandungan hadith dari aspek lafaznya (matan hadith) dengan berpandukan kepada kaedah bahasa arab serta disiplin syariat yang ditetapkan disamping memenuhi keadaan zaman yang dilalui oleh Nabi s.a.w” (Abu al-Layth al-Khayr Abadi: 2005). Para ulama hadith berbeza definisi terhadap kedua-dua ilmu ini. Walaubagaimanapun, definisi yang dipilih oleh Abu Layth ini dilihat lebih difahami dan mudah untuk dibezakan kedua-dua istilah tersebut daripada aspek bahasa (*lughah*). Ilmu *Riwayah* berkaitan dengan aspek sanad hadith. Adapun ilmu *Dirayah* ialah berkaitan dengan aspek matan hadith.

Perkembangan terhadap metode ilmu *Riwayah* dan *Dirayah* ini dilihat berjalan secara serentak seiring dengan proses awal penyampaian dan periwayatan hadith. Aspek perbincangan di dalam Ilmu Riwayah adalah melibatkan aspek sanad hadith yang membincangkan berkaitan individu yang menyampaikan hadith (*al-Rawi*) serta mereka yang menerima hadith (*al-Marwi*). Perkara ini termasuk perbincangan daripada sudut mengkategorikan sesuatu hadith samaada ianya *mutawatir* atau *ahad*. Perbincangan berkaitan topik ini lebih kepada melihat jumlah periwayatan di dalam sesuatu hadith. Lima syarat yang ditetapkan oleh ulama *Ahl al-Hadith* untuk mencapai status hadith yang diterima (*al-maqbul*) adalah banyak melibatkan aspek sanad dan sebahagian aspek matan. Tiga aspek yang khusus berkaitan sanad iaitu ; 1)bersambungnya sanad, 2) perawi yang adil, 3) Perawi yang memiliki *dabt* (catatan dan hafalan) yang sempurna. Manakala dua yang lain berkongsi antara aspek sanad dan matan iaitu; 1)hadith tidak syaz, 2)hadith tidak mempunyai *Illah*. Perkara ini adalah sebahagian daripada usaha ulama *ahl al-Hadith* dalam memperkembangkan perincian di dalam Ilmu Riwayah yang merupakan sebahagian kecil daripada metode *ahl al-Hadith* dalam menjaga keautoritian sumber syariat ini.

Perkembangan terhadap Ilmu Dirayah Hadith pula melibatkan *manhaj Ahl al-Hadith* dalam menfokuskan perkembangan kaedah berkaitan aspek matan hadith. Ilmu yang dibina dan termasuk dalam aspek *dirayah* ialah antaranya Ilmu *mukhtalif al-hadith* (Ilmu berkaitan hadith yang diperselisihkan), Ilmu *Nasikh* dan *Mansukh*, Ilmu *Gharib al-Hadith* dan *Fiqhnya*,

Ilmu *Asbab Wurud al-Hadith* (Ilmu berkaitan sebab sesuatu hadith diriwayatkan), serta Ilmu *al-Bu'd al-Zamani wa al-Makani fi al-Hadith* (melihat konteks sesuatu hadith diucapkan).

## **7. MENGUKUHKAN BEBERAPA METODE PERBINCANGAN DALAM ILMU HADITH BAGI MENGHADAPI CABARAN SEMASA**

Hadith dalam era terakhir abad ke 19 dan 20 masihi ini menghadapi cabaran dalam berdepan ancaman musuh terutamanya di kalangan orientalis yang mempertikaikan kedudukan hadith sebagai sumber syariat Islam kedua (Mustafa al-Siba'i: t.t). Ada juga dikalangan umat Islam yang menimbulkan kekeliruan serta salah faham berkaitan sumber syariat yang dipegang hanyalah al-Quran tanpa disertakan dengan sumber al-Sunnah (al-A'zami: t.t, Uda Mohsin:1998). Selain itu, para ulama hadith semasa juga menghadapi cabaran dalam mengukuhkan beberapa metode perbincangan dalam ilmu hadith terutamanya aspek penilaian terhadap sesuatu hadith pada zaman kini serta pemahaman hadith dengan mengambilkira tekstual dan kontekstual hadith (al-Khayr Abadi : 2005).

Mustafa al-Siba'i dan Mustafa al-A'zami banyak mengambil inisiatif memberikan jawapan balas terhadap tohmahan dan kritikan yang dilakukan oleh orientalis serta kumpulan-kumpulan yang membawa fahaman yang salah berkaitan institusi al-Sunnah. Selain orientalis, para ulama telah membincangkan beberapa topik dan isu semasa yang timbul seperti *al-Sunnah Ma'a man Yunkir Hujjiyyatuha Hadithan* dan *al-Sunnah ma'a Ba'd al-Katibin Hadithan*. Abu al-Layth al-Khayr Abadi dalam kitab beliau, *Ulum al-Hadith : Asiluha wa Mu 'asiruha* memasukkan beberapa perbincangan yang dilihat memberi nilai tambah kepada pengajian Ilmu Hadith terutamanya dalam konteks perbincangan zaman kini. Tambahan yang di kemukakan oleh Abu Layth al-Khayr Abadi ini samaada di dalam Ilmu Riwayah al-Hadith atau Dirayah al-Hadith. Perbincangan di dalam Ilmu Riwayah al-Hadith yang dikemukakan iaitu "Penilaian Terhadap Hadith Dalam Era Moden". Manakala perbincangan di dalam Ilmu Dirayah al-Hadith yang dikemukakan oleh beliau iaitu berkaitan pemahaman hadith dengan melihat aspek tekstual dan kontekstual sesuatu hadith.

## **8. MANHAJ AHL AL-HADITH DAN SUMBANGANNYA DALAM KETAMADUNAN ISLAM**

Berdasarkan perbincangan yang telah dikemukakan dapat dinyatakan bahawa *Ahl al-Hadith* telah memainkan peranan serta memberikan sumbangan yang besar dalam dunia ketamadunan Islam dengan terhasilnya kaedah serta manhaj di dalam *Ulum al-Hadith*. Hadith sebagai sumber syariat yang kedua telah terdedah kepada ancaman musuh Islam serta usaha pemalsuan yang dilakukan keatasnya pada setiap zaman. Manhaj yang ditetapkan oleh ulama hadith ini telah berlaku beberapa perkembangan yang dapat mengukuhkan lagi manhaj serta perbincangan dalam aspek *riwayah* dan *dirayah* hadith. Kesungguhan yang ditunjukkan oleh para ulama *Hadith* ini dalam mempertahankan institusi al-sunnah dapat dinilai melalui disiplin yang ketat samaada dalam penilaian sudut sanad atau matan hadith. Ulama hadith tidak hanya semata-mata melihat salah satu aspek sahaja iaitu sanad atau matan hadith. Tetapi mengambil kira kedua-dua Pada zaman awal periwayatan hadith Hadith dipelihara oleh para sahabat setelah mereka menerimanya daripada Rasulullah s.a.w iaitu melalui hafalan dan penulisan. Kebanyakan para sahabat menjaga hadith Nabi s.a.w melalui hafalan bukan melalui penulisan. Sebahagian para sahabat yang telah ditentukan dan diberi kebenaran untuk menulis hadis akan menjaganya melalui penulisan.

## **10. KESIMPULAN**

*Ahl al-Hadith* memiliki sumbangan dan peranan yang besar dalam menjaga keautoritian hadith melalui kaedah yang ditetapkan dan diaplikasikan di dalam ilmu hadith. Kaedah dan manhaj ini jika diteliti dan dikaji adalah suatu disiplin yang ketat yang diterapkan oleh para ulama hadith dengan tujuan murni menjaga sumber ini daripada diancam musuh-musuhnya. Setiap ilmu dan bidang memiliki ketokohan dan manhajnya yang tersendiri dalam memberi sumbangan terhadap pembangunan peradaban dan ketamadunan. Begitu juga dengan *ahl al-Hadith* boleh berbangga dengan manhaj yang diaplikasikan di dalam ilmu hadith ini dalam menjaga sumber syariat Islam yang kedua daripada ancaman musuh-musuh Islam.

## **RUJUKAN**

1. Al-Asbahānī, *Dalāi Abu Layth al-Khayabadi, Ulum al-Hadith : Asiluha wa Mu'asiruha, cet. ke 4, 2005, Dar al-Syakir.*
2. Fauzi Deraman "Metodologi Muhaddithin" dalam Ishak Suliaman et.al, *Autoriti Hadis : Menangani Gerakan Anti Hadis, cet. ke 3, Penerbit Universiti Malaya.*
3. Fauzi Deraman "Autoriti Hadis Dan Penjelasannya" dalam Ishak Suliaman et. al, *Autoriti Hadis : Menangani Gerakan Anti Hadis, cet. ke 3, 2012, Penerbit Universiti Malaya.*
4. Ismail bin Umar bin Kathir, *Tafsir Ibn Kathir, 2002, Dar Taibah.*
5. Mustafa al-Siba'i, *al-Sunnah wa Makanatuha fi al-Tasyri' al-Islami, t.t, Dar al-Warraq.*
6. Udah Mohsin "Beberapa Kekeliruan Tentang Sunnah" dalam Jawiah Dakir, *Kewibawaan al-Tafsir dan al-Hadis, cet. ke 2, 1998, Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.*
7. Yusuf Al-Qaradawi, *al-Sunnah Masdaran li al-Ma'rifah wa al-Hadarah, 1998, Dar al-Syuruq.*